

KOD TATAKELAKUAN PIHAK BERKEPENTINGAN LZS

1. PENGENALAN

Kod Tatakelakuan Pihak Berkepentingan Lembaga Zakat Selangor (MAIS) (dirujuk sebagai “LZS”) (selepas ini dirujuk sebagai “Kod”) menetapkan prinsip etika dan piawaian integriti dalam semua operasi LZS, khususnya melibatkan pihak yang dilantik atau yang bekerjasama dengan LZS bagi kutipan, agihan dan pengurusan zakat di negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, Kod ini menjadi panduan kepada semua Pihak Berkepentingan LZS yang terdiri daripada vendor, perunding, kontraktor, ejen kutipan, penolong amil, guru pembimbing asnaf, dan rakan operasi lain dalam berurusan dengan pihak LZS. Kegagalan mematuhi Kod ini boleh menyebabkan penamatan pelantikan atau kerjasama di antara LZS dan Pihak Berkepentingan LZS tersebut.

2. OBJEKTIF

- 2.1. Memelihara amanah zakat berlandaskan nilai keadilan, ketelusan, dan akauntabiliti;
- 2.2. Menyemai budaya pematuhan, integriti dan profesionalisme dalam kalangan Pihak Berkepentingan LZS;
- 2.3. Memelihara reputasi dan keyakinan masyarakat terhadap LZS; dan
- 2.4. Menegakkan integriti serta profesionalisme pada tahap tertinggi.

3. PRINSIP ASAS KOD TATAKELAKUAN PIHAK BERKEPENTINGAN LZS

3.1. Pematuhan Undang-Undang

Pihak Berkepentingan LZS dikehendaki menghormati dan mematuhi undang-undang, peraturan dan garis panduan yang berkuat kuasa termasuk undang-undang berkaitan rasuah, anti-persaingan, kesihatan dan keselamatan pekerjaan, perlindungan data dan privasi serta mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan operasi LZS.

3.2. Rasuah, Penyelewengan, Penipuan dan Bayaran Pemudahcara (*Facilitation Payment*)

Pihak Berkepentingan LZS **dilarang sama sekali** terlibat dalam sebarang bentuk rasuah, penyelewengan, penipuan atau bayaran pemudahcara (*facilitation payment*) khususnya kepada warga kerja LZS, sama ada secara langsung atau tidak langsung, bagi tujuan mempengaruhi keputusan atau memperoleh kelebihan yang tidak wajar. Sebarang pelanggaran terhadap larangan ini boleh mengakibatkan penamatan pelantikan atau perkhidmatan serta-merta, dan akan dilaporkan kepada agensi penguatkuasa yang berkaitan.

3.3. Pemberian dan Penerimaan Hadiah dan Keraian

Pihak Berkepentingan LZS **dilarang** memberi sebarang bentuk hadiah, keraian atau manfaat kepada warga kerja LZS atau ahli keluarga mereka, sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk apa-apa tujuan yang boleh menimbulkan konflik kepentingan atau persepsi yang tidak wajar. Sebarang permintaan atau pemberian imbuhan melibatkan warga kerja LZS **wajib** dilaporkan kepada Jabatan Integriti LZS.

3.4. Konflik Kepentingan

Pihak Berkepentingan LZS **dilarang** mewujudkan sebarang situasi konflik melibatkan kepentingan peribadi warga kerja LZS, sehingga menjejaskan keupayaan membuat keputusan secara adil atau berintegriti. Konflik kepentingan boleh merangkumi:

- i. Manfaat kewangan;
- ii. Kelebihan peribadi secara langsung; atau
- iii. Hubungan peribadi, perniagaan atau keluarga yang boleh mempengaruhi tugas rasmi.



3.5. Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)

Pihak Berkepentingan LZS dan pekerjaanya hendaklah sentiasa mengambil sikap bertanggungjawab terhadap penjagaan alam sekitar serta sumber berkaitan, mengutamakan nilai sosial yang positif di dalam dan luar organisasi, serta mengamalkan prinsip tadbir urus yang baik, selaras dengan undang-undang, garis panduan yang berkaitan dan prinsip hak asasi manusia.

3.6. Perlindungan Data Peribadi

Pihak Berkepentingan LZS hendaklah menjaga kerahsiaan data peribadi dan segala maklumat yang diterima serta mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan semua data yang diperolehi dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal berpandukan peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) setelah tamat pelantikan atau perkhidmatan.

3.7. Tanggungjawab Sosial Korporat

Sumbangan korporat hanya akan diberikan sekiranya ia sah, telus, tidak mempengaruhi keputusan pengoperasian, dan benar-benar sampai kepada penerima yang layak. Sehubungan itu, semua permohonan sumbangan akan ditapis terlebih dahulu oleh pihak LZS.

3.8. Sumbangan Politik

Sumbangan menggunakan dana zakat kepada mana-mana parti politik adalah **tidak dibenarkan** sama ada dalam bentuk wang tunai, barangan, perkhidmatan atau sokongan lain bagi memastikan pengoperasian LZS kekal bebas daripada pengaruh politik dan selaras dengan undang-undang serta dasar anti rasuah yang berkuat kuasa.

3.9. Pengubahan Wang Haram

LZS mengamalkan dasar toleransi sifar terhadap pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, serta berdedikasi untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang tergunapakai. LZS akan memberikan kerjasama sepenuhnya dengan agensi penguatkuasa sekiranya dana zakat yang diterima disyaki atau mempunyai kaitan dengan aktiviti pengubahan wang haram.

3.10. Persekitaran Kerja yang Selamat

Pihak Berkepentingan LZS mestilah memastikan tempat kerja yang sihat dan selamat, serta mematuhi semua undang-undang dan peraturan keselamatan di premis atau tapak kerja LZS.

3.11. Budaya Kerja Sihat

Pihak Berkepentingan LZS dan pekerjaanya **dilarang** merokok, menyalahgunakan dadah, alkohol, atau membawa bahan terlarang ke premis atau tapak kerja LZS. Sebarang bentuk kekasaran, gangguan seksual, gangguan mental atau perlakuan agresif juga tidak dibenarkan sama sekali.

4. PEMBERITAHUAN SEMAKAN KETEKUNAN WAJAR KETIKA PROSES PELANTIKAN

Bagi tujuan pelantikan atau kerjasama, Pihak Berkepentingan LZS hendaklah membenarkan pihak LZS untuk menjalankan semakan ketekunan wajar iaitu proses penilaian tahap risiko, liabiliti dan isu tersembunyi yang berpotensi menjejaskan operasi atau keberkesanan suatu pelantikan atau kerjasama. Keputusan semakan akan dijadikan asas dalam membuat keputusan pelantikan atau perjanjian supaya ianya lebih tepat dan dapat mengelakkan isu yang berkemungkinan timbul pada masa hadapan.



5. SALURAN PENDEDAHAN MAKLUMAT (*WHISTLEBLOWING CHANNEL*)

Sekiranya berlaku sesuatu perkara yang bercanggah daripada peruntukan undang-undang, polisi atau prosedur LZS, laporan boleh dibuat kepada agensi penguatkuasa yang terlibat atau Jabatan Integriti LZS dengan sesegera mungkin. Polisi Pendedahan Maklumat LZS membolehkan pemberi maklumat melaporkan salah laku secara rahsia dan selamat. Identiti pemberi maklumat akan dirahsiakan, kecuali diminta bagi tujuan perundangan.

Perlindungan kepada pemberi maklumat akan terbatal sekiranya didapati laporan kelakuan tidak wajar yang dikemukakan adalah **palsu**, dengan **berniat jahat** atau **berunsur fitnah**. Tindakan **boleh diambil** mengikut ketetapan LZS atau undang-undang yang tergunapakai.

Saluran Aduan

- **Telefon:** 03-8314 2783 (waktu pejabat)
- **Perjumpaan bersemuka**
- **Laman web LZS**
- **E-mel:** aduintegriti@zakatselangor.com.my
- Kiriman **surat** kepada Jabatan Integriti LZS

